

BAH

Perpaduan BN tunggak kejayaan negara  
Mahathir

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan dan kemakmuran yang dinikmati oleh negara ini adalah hasil toleransi dan perpaduan parti komponen Barisan Nasional.

+Kesetiaan dan kepercayaan antara satu sama dalam BN berjaya membawa negara ini ke tahap pembangunan yang membanggakan,+ katanya pada Majlis Malam Mesra anjuran Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia di sini malam ini.

Walaupun pelbagai tuduhan dan dakwaan dilemparkan kepada anggota BN termasuk kononnya sebagai +pak turut+ kepada pemimpin tetapi atas sikap percaya dan sokongan, padu itulah membolehkan negara ini menikmati kejayaan di luar dugaan, kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

Sistem politik yang diamalkan oleh BN mendapat pelbagai tentangan dan kritik daripada negara-negara asing yang mendakwa kononnya tidak akan berjaya dalam negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

+Tetapi sistem kita sebenarnya adalah baik dan berkesan sehingga kita berjaya,+ katanya.

Beliau berkata tuduhan pihak-pihak tertentu termasuk Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, kononnya dalam BN tidak siapa berani dan boleh membantah pendapat Perdana Menteri adalah silap sekali. -- Lagi

▼09/05/00-28MST

CNS6605

RGB 09-05 00166 UC201

BAH

Mahathir 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, pada umumnya anggota BN sentiasa bersetuju dengan keputusan yang dibuat tetapi **banyak juga** pendapatnya ditolak oleh anggota kabinet dan perkara itu tidak dihebohkan di luar.

Beliau juga berkata rakyat negara ini patut berbangga kerana, **banyak** keputusan yang dibuat oleh BN yang pada awalnya ditentang **hebat** dan kritik seperti Dasar Pandang Ke Timur, Konsep Penswastaaan, Perbadanan Malaysia dan industri berat kini bukan sahaja berjaya malah menjadi contoh kepada negara-negara lian termasuk negara maju.

Beliau juga berkata sistem pentadbiran Malaysia yang mengiktirafkan semua kaum dikatakan oleh para pengkritik bahawa tidak akan **berjaya juga** membuktikan bahawa teiahan mereka meleset.

Negara maju seperti Amerika Syarikat yang mendabik dada **tentang** kemajuan mereka tetapi tidak mengiktiraf kaum di negara mereka kini dilanda rusuhan kaum.

+Kita menghadapi rusuhan kaum pada 1969, dan kita sedar pentingnya perpaduan dan sensitiviti kaum, kita iktiraf semua kaum. dan kini kita dapat hidup dengan aman,+ katanya. -- Lagi

▼09/05/00-32MST

CNS6607

R GB 09-05 00214 BC202

BAH

Mahathir (akhir) 3 Kuala Lumpur

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, yang juga Setiausaha Agung BN, dalam ucapannya' mengulangi sokongan padu dan jituanya kepada Dr Mahathir.

Katanya, selagi Dr Mahathir menerajui pentadbiran negara ini dan bersedia untuk terus berkhidmat sebagai Perdana Menteri, beliau akan terus menyokong.

Beliau berkata, setiap pemimpin negara menghadapi masalah dan Dr Mahathir juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai masalah termasuk krisis nerlembagaan pada 1983, pemilihan pucuk pimpinan pada 1987 sehingga UMNO diharamkan oleh mahkamah berikutan kemelesetan ekonomi pada tahun 80-an tetapi semuanya itu dapat diatasi dengan tenang.

+Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah dan pemimpin seperti ini sahaja yang dapat membawa kejayaan kepada negara dan rakyatnya,+ kata Ghafar.

Beliau juga memuji Perdana Menteri kerana sikap tegas, jujur dan kebijaksanaannya Malaysia kini mendapat sanjungan daripada negara-negara asing termasuk negara-negara maju.

Malaysia bukan sahaja kini menjadi negara contoh dalam berbagai bidang malahan muncul sebagai sebuah negara yang dapat membantu, negara-negara yang miskin dan memerlukan pertolongan, katanya.

Beliau mengucapkan selamat bercuti kepada Dr Mahathir Perdana Menteri yang akan bercuti selama tiga minggu mulai minggu depan sebelum berlepas ke Brazil untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro bulan depan. -- Bernama

▼09/05/00-45MST